

BAB 6 : PRINSIP EKONOMI

Pengenalan

Prinsip ekonomi yang dipegang oleh Gandhiji tertakluk kepada pengalaman dan falsafah hidup beliau sendiri. Teori ekonomi beliau mampu memberi penyelesaian kepada persoalan-persoalan kecil dan semerta; dan yang besar dan muktamad. Harus dijelaskan pada detik ini bahawa prinsip ekonomi beliau tidak direka sebagai suatu teori yang canggih tetapi diketengahkan sebagai tindakbalas kepada permasalahan-permasalahan sosial dan ekonomi yang wujud di zaman kehidupan beliau. Menurut Buddhadeva Bhattacharyya:-

"Gandhi was not an economist in the conventional sense of the term. He did not formulate any well - laid economic theory. His approach was essentially eclectic"¹

Gandhiji juga tidak yakin terhadap sebarang pendekatan ekonomi dari buku-buku teks tertentu. Sebab itulah penyelesaian/cadangan ekonomi yang dikemukakan oleh beliau kepada India (yang dieksplorit teruk oleh imperialis Barat) tidak juga diceduk dari mana-mana pendekatan ekonomi yang popular; tetapi dari pengalaman hidup beliau sendiri serta sistem nilai dan sosial

¹ Buddhadeva Bhattacharyya, *Evolution of the Political Philosophy of Gandhi*, Calcutta Book House, Calcutta, ms. 197.

masyarakat India. Idealisme ekonomi Gandhiji berakar-umbi dari ciri-ciri humanisme yang menjadi intipati persepsi hidup dan jiwa beliau. Sekali lagi ianya juga merupakan suatu bayangan falsafah tanpa kekerasan berdasarkan etika yang tinggi.

Etika Dalam Ekonomi?

Sesuatu teori ekonomi harus dicorak dan ditujukan untuk kebaikan peradaban manusia. Ini sepatutnya merupakan matlamat unggul teori-teori ekonomi. Sekiranya dasar-dasar ini tidak mampu menjamin kebahagiaan sejagat, apakah gunanya berpegang kepada peraturan-peraturan autonomi teori-teori ekonomi? Tentulah kebahagiaan sejagat tidak mampu dirasai dengan pencapaian material semata-mata! Pendirian inilah yang menjadi asas atau nukleus kepada prinsip ekonomi Gandhiji. Beliau yakin bahawa sistem ekonomi yang beretika mampu menjamin kebahagiaan sejagat (dan bukan untuk golongan atau individu-individu tertentu sahaja) dan akhirnya membawa kepada pencapaian yang lebih tinggi dari sekadar kebendaan; yakni pembangunan rohani. Tambahan pula, menurut Gandhiji, sistem ekonomi yang memberi peluang kepada golongan kaya menambah kekayaan dengan menindas golongan miskin, tidak boleh diterima sebagai sains ekonomi yang tulen atau baik. Sistem seperti ini hanya memudaratkan masyarakat. Sistem ekonomi yang baik, asli atau tulen seharusnya

menjaga keadilan sosial dan menjamin kesejahteraan semua golongan masyarakat, termasuk golongan yang merana dan serba kekurangan.²

Jelas bahawa di dalam pemikiran Gandhiji, tiada pengasingan antara etika dan ekonomi; seperti juga dalam politik dan aktiviti-aktiviti sosial. Menurut Gandhiji lagi:-

"True economics never militates against the highest ethical standards, just as all true ethics to be worth its name must at the same time be also good economics".³

Pengaruh

Gandhiji telah menghayati khazanah murni budaya dan agama Hindu. Ianya menjadi dasar prinsip ekonomi beliau; iaitu berdasarkan cinta sejagat. Menurut Vivek Ranjan Bhattacharyya:-

"Since universal love has always played an important role in our (Hindu) religion, it forms the basis of Gandhian economic philosophy, and as such, Gandhian economics could never wriggle out of this imprint of deep spiritual influence"⁴.

² Harijan, 9.10.37.

³ Indian Institute of Advance Study, Gandhi: Theory and Practice, Social Impact and Contemporary Relevance, Vol. II, Edited by S.S. Biswas, 1969, ms. 223. [Dalam kertas kerja bertajuk "Gandhi's Economic Ideas and Their Present Relevance" oleh Vasant Palshikar]

⁴ Ibid., ms. 83.

Pandangan beliau nampaknya ada persamaan dengan pemikiran-pemikiran Ramakrishna, Vivekananda, dan falsafah Vaishanava dan Jain secara amnya. Selain daripada itu, Gandhiji mengakui di dalam autobiografi beliau bahawa buku Ruskin, bertajuk ‘Unto This Last’ telah meninggalkan kesan yang mendalam di dalam jiwa beliau. Beliau mengakui mewarisi ide-ide berikut (yang diterjemah dari bahasa Inggeris) daripada Ruskin pada tahun 1904:

- (i) bahawa kebahagiaan individu bergantung pada kebahagiaan sejagat
- (ii) bahawa kerja seorang peguam mempunyai nilai yang sama dengan kerja seorang tukang gunting rambut atas dasar bahawa kedua-duanya mempunyai hak yang sama untuk mencari nafkah hidup
- (iii) bahawa kehidupan seorang buruh, contohnya penggali tanah dan tukang tangan ada nilai hidup yang sewajarnya⁵

Leo Tolstoy, seorang lagi pemikir yang berminda tajam, turut mempengaruhi prinsip ekonomi Gandhiji. Gandhiji bersetuju dengan pandangan popular Tolstoy bahawa tiada manusia yang bebas daripada keperluan tenaga kerja⁶ dari jasad masing-masing untuk memenuhi keperluan-keperluan hidup yang asas dan ringkas (elementari). Peraturan ini juga harus diaplikasikan kepada

⁵ M.K. Gandhi, *An Autobiography or The Story of My Experiments With Truth*, Navajivan Publishing House, Ahmedabad. 1927, ms. 365.

⁶ Lebih dikenali secara popular dengan istilah Inggeris “bread-labour”.

pegawai-pegawai intelektual; bukan hanya untuk buruh; malah setiap manusia di muka bumi.

Perbandingan dengan Teori Marx dan Kontroversi Varnashram Dharma

Penekanan yang diberikan kepada konsep tanpa kekerasan, ataupun etika, secara amnya membezakan dasar ekonomi Gandhiji daripada Marx. Marx menggalakkan perjuangan antara kelas dalam masyarakat; Gandhiji pula menekankan koordinasi kelas. Beliau berpendapat Varnashram Dharma mengikut tradisi sosial India merupakan sistem sosial yang sesuai untuk menjamin koordinasi antara kumpulan-kumpulan manusia dari segi ekonomi. Menurut Gandhiji, Varnashram terdiri daripada 4 kelas, Brahmin, Ksatria, Vaisya dan Shudra; keempat-empatnya sama taraf; tiada yang lebih tinggi darjatnya daripada yang lain. Ianya adalah suatu pembahagian dan pengkhususan kerja yang sihat. mementingkan tanggungjawab dan tugas seseorang di dalam masyarakat.⁷ Keburukan yang ada di dalam sistem kasta/jati bukanlah manifestasi sistem varna yang asal.

Di sampaing itu, masyarakat ideal yang disarankan oleh Gandhiji adalah atas prinsip persamaan. Persamaan yang dimaksudkan di sini boleh dicapai secara

⁷ Young India, 23.4.25, ms. 145.

'bread-labour' atau membuat apa jua yang kita perlukan untuk kehidupan sehari-hari secara saradiri. Gandhiji menerima Varnashram di India untuk tujuan ini, iaitu setiap golongan atau individu mempunyai tempatnya tersendiri di dalam sistem ekonomi sesebuah desa atas dasar-dasar pengkhususan pekerjaan. Dengan cara ini setiap desa mampu berfungsi sebagai sebuah republik yang tersendiri dan mampu menyara desa masing-masing. Mereka bebas dan mengikuti suatu organisasi ekonomi yang diiktiraf dan diterima oleh masyarakat.

Pada tahun 1921, Gandhiji menulis bahawa pada suatu ketika, nilai Varnashrama Dharma kepada masyarakat India dari sudut ekonomi sangatlah tinggi. Ini adalah kerana Varnashram Dharma telah menjamin sesuatu kemahiran diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain serta mengawal persaingan. Varnasharam Dharma telah berfungsi sebagai ubat yang mujarab untuk menghalang seseorang dari menjadi papa kedana.⁸

Marx mengetengahkan revolusi berdarah sebagai jawapan kepada konflik kelas yang disebabkan oleh jurang perbezaan ekonomi. Gandhiji pula mengutarakan polisi tanpa-kekerasan sebagai senjata yang paling berkesan untuk mengakhiri sebarang konflik. Gandhiji menekankan etika dan cuba elakkan sebarang kemusnahan; cara Marx pula penuh kekerasan, pertumpahan darah dan kemusnahan. Namun, kedua-dua Gandhiji dan Marx mempunyai tujuan

⁸ Young India, 5.1.21, ms. 2.

humanitarian yang sama, iaitu membantu golongan yang dieksplot memperolehi kehidupan yang lebih baik, hanya metod mereka yang berbeza.⁹

Walau bagaimanapun bolehlah disimpulkan bahawa Gandhiji secara amnya tidak menerima falsafah sejarah Marx kerana sebab-sebab berikut:-

- (i) Marxisme mengaplikasikan teknik reduksionisma, iaitu menyempitkan segala-galanya kepada faktor ekonomi.

- (ii) Marxisme memperkecilkan peranan individu (dan menekankan peranan kumpulan).

- (ii) Marxisme adalah sebuah falsafah materialistik.

'Trusteeship' Dan Kesamaan

Gandhiji berpendapat bahawa segala-galanya di dunia adalah kepunyaan Tuhan. Oleh itu, kesemuanya adalah untuk manusia secara total, bukan untuk segolongan kecil atau beberapa individu sahaja. Apabila seseorang individu memiliki lebih daripada yang diperlukan, individu itu menjadi 'trustee' kepada

⁹ Buddhadeva Bhattacharyya, *Evolution of the Political Philosophy of Gandhi*, Calcutta Book House, Calcutta. 1969, ms. 232.

segolongan manusia.¹⁰ Maksudnya, harta lebihan yang dimiliki harus dibahagikan kepada yang kurang berada. Sebab itulah Gandhiji sentiasa bercakap tentang kesamaan yang sempurna. Setiap individu harus memiliki peluang yang sama dalam kehidupan untuk menggunakan dan menikmati apa yang ada di dalam alam semesta ini. Gandhiji pernah menyebut oleh kerana taraf manusia di atas muka bumi ini adalah sama, maka kita semua mempunyai hak untuk memperolehi peluang yang sama di dalam kehidupan. Malangnya dalam realiti hidup, keupayaan manusia pula nampaknya tidak sama. Manusia yang mempunyai bakat dan kemahiran akan memiliki harta yang lebih. Mereka ini akan mempergunakan bakat ini untuk mengutip lebih banyak kekayaan. Ini lumrah hidup. Manusia seperti ini harus berfungsi sebagai ‘trustee’ atau pemegang amanah masyarakat. Pendapatan yang berlebihan harus disalurkan kepada mereka yang kurang berada. Dengan cara ini, fungsi seorang pemegang amanah mirip sebuah kerajaan yang menjaga dan menjamin kesejahteraan masyarakat.¹¹

¹⁰ Pyarelal, Mahatma Gandhi: The Last Phase, Navajivan Publishing House, Ahmedabad, 1958, Vol II, ms.633-4. Petikan bertajuk, “Doctrine of Trusteeship” (i) Trusteeship provides a means of transforming the present capitalist order of society into an egalitarian one. It gives no quarter to capitalism, but gives the present owning class a chance of reforming itself. It is based on the faith that human nature is never beyond redemption. (ii) It does not recognize any right of private ownership of property except so far as it may be permitted by society for its own welfare. (iii) It does not exclude legislative regulation of the ownership and use of wealth. (iv) Thus, under State-regulated trusteeship, an individual will not be free to hold or use his wealth for selfish satisfaction or in disregard of the interests of society. (v) Just as it is proposed to fix a decent minimum living wage, even so a limit should be fixed for the maximum income that would be allowed to any person in society. The difference between such minimum and maximum incomes should be reasonable and equitable and variable from time to time so much so that the tendency would be towards obliteration of the difference.

¹¹ Indian Institute of Advance Study, op-cit., ms. 186.

Maksudnya tiada siapa yang sepatutnya menikmati atau memiliki, lebih dari keperluannya. Inilah dasar teori distribusi Gandhiji. Dari segi ini, tidak salah kalau Gandhiji dikategorikan sebagai seorang sosialis.

Perindustrian Dan Penggunaan Mesin

Gandhiji berpendapat bahawa perindustrian dan penggunaan mesinlah yang bertanggungjawab memiskinkan India. Perindustrian telah mula merosakkan benua Eropah dan telah menggugat kemanusiaan di England. Mesin adalah simbol unggul peradaban moden; ianya mewakili dosa! Di dalam Hind Swaraj,¹² tulisan Gandhiji yang awal, beliau mengatakan bahawa masyarakat India tidak mencipta mesin bukan kerana mereka tidak mampu tetapi kerana mereka sedar sekiranya kita mengejar benda-benda seperti ini, manusia akan menjadi hamba kebendaan dan kehilangan nilai-nilai moral.¹³

Walau bagaimanapun untuk mengelakkan salahfaham, harus dijelaskan di sini bahawa Gandhiji bukanlah anti-mesin dalam ertikata langsung. Beliau sekadar mengaitkan kebergantungan manusia kepada teknologi sebagai suatu bentuk penghambaan. Dan kegilaan terhadap teknologi inilah mengikut beliau

¹² Hind Swaraj atau ‘Indian Home Rule’ pada asalnya ditulis dalam bahasa Gujarati dalam perjalanan pulang Gandhiji dari England. Ianya diterbitkan di dalam akhbar Indian Opinion pada bulan Disember 1909 dan kemudiannya diedarkan dalam bentuk risalah pada tahun 1910. Ianya mengandungi kritikan yang serius tentang peradaban moden.

¹³ M.K. Gandhi, Hind Swaraj or Indian Home Rule, Navajivan Edition, Ahmedabad 1962, ms. 62.

akhirnya merugikan manusia sendiri. Beliau menjelaskan dalam Hind Swaraj tentang kegilaan ini. Kata beliau, dahulu manusia hanya bekerja setakat yang mereka boleh dan ingin, tetapi dengan perkembangan industri, manusia memaksa diri mereka untuk bekerja untuk masa yang lebih panjang, dan kadangkala melakukan pekerjaan-pekerjaan yang merbahaya di kilang-kilang industri. Dan manusia sanggup berbuat begini semata-mata kerana godaan wang ringgit.¹⁴

Walau bagaimanapun Gandhiji sendiri pernah mengakui bahawa mesin dan industri ada tempatnya di dunia dan ini sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Tetapi ianya tidak seharusnya mengambil alih tenaga buruh. Beliau akan gembira melihat kemajuan dalam sebuah mesin tenun manual, tetapi bukan sebuah kilang yang menggunakan mesin-mesin elektrik yang canggih dan mengambil alih tenaga kerja manusia. Sekiranya inilah perindustrian, apakah yang akan berlaku kepada mata pencarian beribu-ribu petani yang menenun di rumah? Perbuatan merompak berjuta-juta manusia dari mata pencarian yang sah tidaklah adil atau munasabah. Penggunaan mesin hanyalah sah sekiranya ianya menjaga kepentingan semua. Gandhiji menjelaskan bahawa penggunaan mesin mesti ada batasannya. Menurut beliau, tujuan utama rekaan mesin bukanlah untuk mengurangkan tenaga kerja tetapi ketamakan golongan-golongan tertentu. Beliau menjelaskan bahawa konsentrasi harta tidak seharusnya berada di tangan beberapa orang, tetapi harus dimiliki dan dirasai oleh semua. Persepsi inilah yang ditentang oleh

¹⁴ Ibid., ms. 36.

Gandhiji, bukan penggunaan mesin sama sekali. Dalam ertikata lain, beliau tidak berhasrat menghapuskan penggunaan mesin sama sekali, hanya sekadar mengawal penggunaanya.¹⁵ Gandhiji bersetuju dengan penggunaan mesin-mesin yang ringkas untuk memudahkan individu melakukan kerja-kerja untuk diri sendiri ataupun desanya.

Kapitalisme

Menurut Gandhiji pengumpulan harta tanpa batasan itu tidak bermoral dan akan sentiasa memalitkan kekerasan dan keganasan. Ia adalah sejenis pencurian. Tidak sesiapa yang harus tamak mengumpul harta. Dalam hal ini, beliau mengatakan:-

"I suggest that we are thieves in a way. If I take anything I do not need for my own immediate use and keep it, I thief it from somebody else. I venture to suggest that it is the fundamental law of Nature, without exception, that Nature produces enough for our wants from day-to-day, and if only everybody took enough for himself and nothing more, there would be no pauperism in this world. But so long as we have got this inequality so long we are thieving"¹⁶

Gandhiji menolak kapitalisme kerana terdapat terlalu banyak ketidaksamaan di dalamnya. Jurang perbezaan antara kaya-miskin jauh dan sukar

¹⁵ D.G. Tendulkar, *The Collected Works of M. Gandhi*, The Publications Division, Govt. of India, 1961, ms. 250-2.

¹⁶ P. Spratt, *Gandhism: An Analysis*, The Huxley Press, Madras, 1939, ms. 107-8.

dikawal. Seorang kapitalis akan mendakwa siapa yang sanggup bekerja keras boleh memiliki lebih dan ini sah. ‘Kerja keras’ yang disebut oleh kapitalis tersebut di dalam kamus Gandhiji akan memberi makna ‘ketamakan’! Gandhiji langsung tidak melihat isu ini dari sudut ketekunan atau risiko yang diambil oleh kapitalis. Kesemua ini dipandang sebagai burukan kapitalisme; yang mendorong manusia tamak kebendaan dan menganjurkan budaya material.¹⁷ Beliau ingin membawa perubahan di dalam susunan sosial kapitalisme untuk memperbaiki keadaan golongan yang merana. Di dalam sebuah masyarakat yang ideal (mengikut garis panduan Gandhiji), harus ada kesamaan tanpa jurang ekonomi yang luas dan sebarang industri tidak harus bermatlamat mengoptimumkan keuntungan.

Penutup

Gandhiji tidak yakin terhadap pertumbuhan ekonomi dan perbandaran yang pesat. Di dalam Hind Swaraj,¹⁸ beliau mengatakan manusia tidak akan gembira tinggal di bandar-bandar yang besar; ianya akan menjadi pusat kumpulan-kumpulan perompak, pencuri dan pelacur; serta menjadi tempat konsentrasi pelbagai jenis penyakit sosial. Oleh itu, kita harus berpuas hati

¹⁷ Buddhadeva Bhattacharyya, *Evolution of the Political Philosophy of Gandhi*, Calcutta Book House, Calcutta, 1969, ms. 220.

¹⁸ M.K. Gandhi, *Hind Swaraj*, op-cit., ms. 62.

menetap di desa-desa; dan menjauhkan diri daripada masalah-masalah sosial kota.

Prinsip ekonomi Gandhiji lahir sebagai jawapan kepada permasalahan-permasalahan kontemporari dalam sistem-sistem ekonomi di zaman kehidupan beliau. Ianya bukanlah teori ekonomi mikro atau makro yang penuh dengan graf dan carta. Kebijaksanaan Gandhiji terletak pada cara beliau mengenepikan teori-teori popular ini dan memberi jawapan tersendiri tentang keburukan-keburukan yang wujud dalam sistem-sistem ekonomi, secara spontan, ikhlas dan berdasarkan realiti.